

Ulasan Buku

Menggunakan Sains dan Teknologi sebagai Alat dan Bukan sebagai Matlamat dalam Mengejar Kemajuan

ROOSFA HASHIM

Mohd. Yusoff Othman. 2009. *Sains, Masyarakat dan Agama*. Abdul Salam Yussof (penyelenggara). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.




Sesebuah masyarakat memerlukan ilmu dan kemahiran untuk mengekalkan kelestariannya walau di mana pun mereka berada. Ilmu semata-mata, tanpa pedoman tidak akan dapat membawa mana-mana masyarakat pun ke jalan kebenaran. Hanya agama yang benar dapat memberikan sinar kepada kegelapan dalam sesebuah masyarakat. Justeru judul buku ini bukanlah suatu kebetulan. Masyarakat memerlukan sains atau ilmu untuk maju. Agama pula menyediakan landasan bagi masyarakat melayari bahtera kehidupan. Tanpa agama, mereka terumbang-ambing, hanyut dan karam. Benarlah seperti yang ditegaskan oleh penulis pada bab kedua, iaitu “sains tanpa agama - buta; agama tanpa sains - tempang”.



Tiga perkara yang saling kait mengait ini kemudian dikembangkan oleh penulis buku ini dengan penegasan bahawa sains dan teknologi tidak terpisah daripada nilai kemanusiaan, budaya dan gaya hidup manusia yang mendasari fahaman agama, falsafah, prinsip mengikut perubahan zaman. Penulis memulakan perbincangannya dalam bab pertama dengan mengimbuai perkembangan sains dan teknologi dalam lipatan sejarah. Tamadun dunia yang berpindah daripada satu bangsa kepada satu bangsa yang lain telah menampilkan ramai sarjana dan cerdik pandai. Dalam menjelaskan konsep ilmu atau ‘sains’ penulis menegaskan bahawa sains dan teknologi bukanlah warisan orang Barat semata-mata meskipun mereka menguasainya sekarang. Sains telah mula dicipta sebaik manusia diutuskan ke bumi bagi menguruskan alam ini. Manusia mampu memerhati dan memahami alam dan mula berinovasi dengan menggunakan pelbagai daya kreativiti.






Sains dan kepandaian manusia pada zaman Firaun sesuai dengan kehendak Firaun. Demikian juga pemimpin tamadun lain memenuhi kehendak dan keperluan masing-masing berdasarkan keupayaan sains pada zaman masing-masing di China, Greek, Maya dan tamadun Islam. Sains sentiasa menjadi faktor kekuatan mana-mana tamadun di dunia ini. Malangnya menurut penulis, apabila sains tiba ke tangan masyarakat Barat pada abad ke-17, mereka menjadikannya wahana, fahaman hidup, nilai dan budaya dan pada masa yang sama meminggirkan agama, budaya dan adat resam. Ilmu sains terus dibaluti dan disaluti nilai-nilai sekular bagi memisahkannya daripada petunjuk agama dan akar budaya setiap bangsa.

Sains Barat yang sekular atau disebut 'saintisme' telah menimbulkan natijah yang buruk dan kepincangan kepada manusia. Kepincangan ini dihuraikan melalui pandangan beberapa sarjana terkemuka Muslim sebagaimana yang dikutip oleh penulis. Pelbagai isu sains dan teknologi juga dikupas berdasarkan hujah sarjana Muslim.

Islam sebaliknya telah memberikan tempat yang tinggi kepada ilmu justeru telah lahir begitu ramai sekali cendekiawan Muslim dengan pelbagai kepakaran. Bahkan sejumlah besar sarjana Muslim dilihat kehebatan mereka yang multidisiplin, iaitu dalam masa yang sama menguasai beberapa cabang ilmu pengetahuan.

Penulis juga membincangkan tentang dampak sains dan teknologi ke atas masyarakat sehingga berjaya merubah persepsi manusia dalam pekerjaan dan kehidupan seharian. Manusia dulunya menggunakan haiwan untuk membajak tetapi kini bergantung pula kepada jentera dan mesin dalam kebanyakan kegiatan pertanian. Kebanyakan persepsi individualistik dan materialistik manusia kini berubah kepada kefahaman terhadap erti hidup. Oleh yang demikian manusia menjadi lebih materialistik dan individualistik dengan kemajuan sains dan teknologi. Tanggungjawab sosial, tuntutan agama, kehendak masyarakat, kelestarian alam sekitar semuanya dipandang sepi. Masyarakat moden di Barat terutamanya menolak nilai-nilai agama dalam kehidupan mereka dan institusi kekeluargaan semakin melonggarkan ikatan masing-masing dengan gereja atau apa juga rumah ibadat. Bersekedudukan tanpa ikatan perkahwinan adalah lumrah dalam masyarakat Barat dan jika ada pertelingkahan mereka akan menyelesaikannya di mahkamah. Justeru penulis mengingatkan agar fenomena ini perlu dihalang daripada melanda kehidupan umat Islam. Sains, menurut Mohd Yusoff Othman mesti menjadi 'alat' dan bukan sebagai 'matlamat' dalam mencapai kemajuan. Dalam erti kata yang lebih tepat, matlamat tidak menghalalkan cara. Kaedah yang kita gunakan dalam mengejar kemajuan hendaklah selari dengan jalan yang ditunjukkan oleh agama.

Kecerdasan intelek yang tinggi mestilah bertunjangkan agama, budaya tempatan dan adat resam. Pengabaian manusia terhadap unsur-unsur ini telah




mendatangkan pelbagai kesan yang sukar ditangani oleh sains dan teknologi. Ketinggian ilmu manusia kini berdepan dengan fenomena yang menyulitkan seperti hujan lebat di luar musim, ribut taufan, kemarau berpanjangan dan bumi kering kontang, salji melebihi paras biasa, kebakaran hutan dan udara berjerubu, pemanasan global sehingga memecah dan memisahkan bongkah ais di kutub serta pelbagai masalah alam sekitar yang lain.

Sains yang bertunjangkan budaya tempatan, salah satu maksudnya ialah menggunakan bahasa ibunda dalam wacana sains dan teknologi. Penulis berpegang pada hakikat bahawa bahasa bukan sekadar alat berkomunikasi tetapi juga membentuk tanggapan diri dan membina budaya dan kaedah berfikir seseorang yang mendorongnya membangunkan kreativiti saintifik. Hanya dengan cara ini manusia dapat membangun dengan kelestarian alam yang dikekalkan. Dalam konteks negara ini yang berada dalam lingkaran daerah Nusantara maka bahasa Melayulah media yang paling tepat digunakan dalam menerapkan kefahaman terhadap ilmu sains dan teknologi kepada anak-anak kita. Bahasa ini telah membuktikan kemampuannya sejak berabad-abad sebagai lingua franca, iaitu bahasa untuk berkomunikasi ilmu, perdagangan, politik dan sebagainya bagi umat di kawasan yang besar ini.

Manusia kini berada di persimpangan dengan pelbagai dilema dan persoalan yang sukar dijawab dalam masa yang singkat. Bagaimana untuk terus membangun tanpa menebang hutan atau mengubah arah sungai? Di mana lagi dapat menampung populasi manusia yang merebak kalau bukit-bukau dan gunung tidak ditarah? Dari mana sumber protein dan makanan berzat dapat dinikmati tanpa meneroka laut dalam. Manusia perlu muhasabah diri dan menjawab apakah matlamat hidup kita, ke mana arah pembangunan yang kita tuju. Bagaimana kehidupan dalam dunia ini dapat dikuasai dengan jiwa yang murni dengan penuh keredhaan Allah s.w.t.? Demikianlah seberkas persoalan yang dikemukakan oleh Mohd. Yusoff Othman yang mengajak kita semua agar merenungkan kembali segala kebobrokan yang telah dibawa oleh sains moden Barat. Dalam beberapa bab buku ini penulis menyisipkan beberapa penyelesaian yang membuka jalan bagi manusia menjalani kehidupan moden yang lebih wajar dengan statusnya sebagai khalifah Allah s.w.t. di muka bumi. Manusia mesti menguruskan alam ini dengan lebih beretika agar dunia ini tidak dirosakkan supaya dapat dimanfaatkan oleh generasi pada masa akan datang.

Perbahasan oleh Mohd Yusoff Othman ini baik untuk ditelaah oleh sarjana yang ingin terlibat dalam polemik tentang sains dan peradaban selain sesuai juga bagi bacaan mahasiswa yang berhasrat mendalami sejarah dan falsafah sains. Sebagaimana yang jelas ditampilkan pada judul buku ini, tiga aspek yang diangkat dalam buku ini -- *Sains, Masyarakat dan Agama*, memang tidak boleh ditanggalkan apabila salah satu daripadanya muncul dalam perbahasan.



MALIM Bil. 10 (2009)

244

